




IMBASAN DMSA RENAL

PENDIDIKAN PESAKIT




Imbasan DMSA Renal

Apakah itu Imbasan DMSA Renal?

Imbasan DMSA Renal ialah ujian pengimejan tomografi khusus yang digunakan untuk **menilai keabnormalan tisu buah pinggang**.

Imbasan ini menggunakan **sedikit bahan pengesan radioaktif yang dipanggil Tc-99m asid dimerkaptosuksinik (99mTc-DMSA)**. Bahan pengesan ini akan melekat pada sel tubul proksimal di korteks renal (bahagian luar buah pinggang) kira-kira tiga jam selepas suntikan. Ini membolehkan tisu buah pinggang dilihat dengan jelas dan membantu doktor anda menilai sebarang



Kelebihan Imbasan DMSA Renal



1 Mengesan Parut Buah Pinggang

Imbasan DMSA sangat berkesan dalam mengesan parut pada buah pinggang yang boleh berlaku akibat jangkitan saluran kencing (UTI) yang berulang atau teruk, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak.

Mendiagnosis Jangkitan Akut



Ia membantu mengesahkan pielonefritis akut (sejenis jangkitan buah pinggang) dengan menunjukkan kawasan buah pinggang yang mengalami pengurangan penyerapan DMSA, yang menandakan adanya keradangan.



3 Mendiagnosis Keabnormalan Kongenital

Ia membantu mengesan keabnormalan sejak lahir seperti hipoplasia renal (keadaan di mana buah pinggang bersaiz lebih kecil atau tidak berkembang sepenuhnya sejak lahir).

Sensitiviti Tinggi dalam Kalangan Kanak-kanak



Imbasan ini adalah lebih sensitif berbanding imbasan ultrasound biasa untuk mengesan kerosakan buah pinggang yang disebabkan oleh UTI dalam kalangan kanak-kanak.




5 Pendedahan Radiasi yang Lebih Rendah

Berbanding imbasan CT, imbasan DMSA mengeluarkan tahap radiasi yang lebih rendah. Ini menjadikannya pilihan yang lebih selamat untuk kanak-kanak bagi pemeriksaan parut renal.

Risiko dan Had

Imbasan ini menggunakan jumlah pengesan radioaktif yang sangat sedikit yang memancarkan sinar gamma, yang mana ia adalah serupa dengan sinar-X. Dos radiasi adalah sangat rendah dan secara amnya dianggap selamat.

Sesetengah pesakit mungkin mengalami sedikit rasa tidak selesa, kesakitan, atau kemerahan pada tempat suntikan. Walaupun jarang berlaku, kesan sampingan ringan seperti sakit kepala atau tindak balas alergik boleh terjadi, tetapi ia biasanya bersifat sementara dan tidak serius.



Bagaimanakah Imbasan Renal DMSA Dijalankan?

1

Suntikan Pengesan Radioaktif



Sejumlah kecil pengesan **radioaktif Tc-99m DMSA** akan disuntik ke dalam vena lengan anda.

Selepas suntikan, anda perlu menunggu selama kira-kira **3 jam** untuk membolehkan pengesan tersebut terkumpul di bahagian korteks buah pinggang. Anda dibenarkan mengambil makanan ringan dan bergerak seperti biasa dalam tempoh menunggu ini.

Pengimejan

2

Kamera gamma akan diletakkan berhampiran dengan kawasan abdomen untuk mengambil gambar buah pinggang anda. Kemudian, kamera gamma akan bergerak mengelilingi badan anda untuk menghasilkan imej 3D. Ianya amat penting untuk tidak bergerak semasa imbasan dijalankan.

Keseluruhan proses imbasan ini mengambil masa kira-kira **30 minit**.



Persediaan Sebelum Imbasan



Anda tidak perlu untuk berpuasa atau mengikut diet khas sebelum imbasan dijalankan. Adalah penting bagi anda untuk kekal terhidrat dengan meminum air secukupnya sebelum prosedur.

Bagi kanak-kanak berumur di bawah lima tahun, sedasi ringan mungkin diperlukan untuk membantu mereka agar tidak bergerak. Dalam kes sedemikian, kanak-kanak tersebut perlu **berpuasa sekurang-kurangnya dua jam sebelum prosedur dijalankan**.

Langkah Berjaga-jaga Selepas Imbasan



Selepas imbasan selesai, bahan radioaktif tersebut akan keluar dari badan anda secara semula jadi melalui air kencing. Anda dinasihatkan untuk **minum air secukupnya** selepas prosedur bagi membantu menyingkirkan bahan tersebut dengan lebih cepat.

Anda dinasihatkan untuk **menjaga jarak sekitar 1 meter daripada kanak-kanak** sepanjang hari.

Bilakah Anda Akan Mendapat Laporan?



Sebaik sahaja imbasan selesai, imej tersebut akan disemak oleh doktor yang bertugas. Dalam kebanyakan kes, laporan akan tersedia pada penghujung hari yang sama.

Kehamilan dan Penyusuan



Jika anda hamil atau mengesyaki diri anda hamil, sila maklumkan kepada kakitangan kami sebelum prosedur dijalankan. Ini kerana imbasan Perubatan Nuklear tidak dibenarkan semasa hamil bagi mengelakkan pendedahan radiasi kepada bayi.


Bagi ibu yang menyusui, anda biasanya dinasihatkan untuk **berhenti menyusu selama 24 jam** selepas imbasan dan membuang susu ibu dari badan dalam tempoh tersebut.




Imej-imej Imbasan DMSA Renal




Parut buah pinggang akan kelihatan sebagai **'titik sejuk'** dengan pengurangan serapan pengesan radioaktif.




ANT



POST



ANT



POST

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami:

+603-7494 1017

+603-7491 1483

smc@sunway.com.my

Pusat Perubatan Nuklear terletak di:
Basement, Tower C

Waktu Operasi

Isnin-Jumaat

8.30am - 5.30pm

Sabtu

8.30am - 12.30pm

Tutup pada Ahad dan Cuti Umum